

Harian Metro 11/05/2010 M/S 12

# Mat Afrika hati syaitan

## Perkosa pelajar selepas diumpan rakan subahat

>>Oleh Shanty Nur Shaffizan Shafee  
shantynur@hmetro.com.my

**D**AMANSARA: Suara rakan yang cemas meminta tolong rupa-rupanya menjadi malapetaka bagi seorang gadis apabila dirogol seorang lelaki warga asing di Pangsapuri Flora Damansara, awal pagi semalam.

Dalam kejadian 1 pagi itu, penuntut kolej swasta berhampiran dikatakan sedang menyiapkan tugasannya di kafe siber terletak di unit bawah pangsapuri itu apabila dia dihubungi rakannya.

Menurut sumber, mangsa yang panik kerana mengesyaki sesuatu yang buruk terjadi pada rakannya menaiki

lif ke tingkat sembilan pangsapuri terbabit.

“Sebaik pintu lif dibuka, mangsa terkejut seorang lelaki warga Afrika menariknya keluar dan membawanya masuk ke dalam sebuah unit rumah di tingkat itu.

“Lebih menyedihkan, rakan mangsa seorang wanita tempatan ditahan rakan suspek dan diarah menghubungi mangsa bagi mengumpannya naik ke kediaman suspek,” katanya.

Mangsa dikatakan cuba melawan, namun tidak berdaya menyebabkan dia dirogol berkali-kali.

Bagaimanapun, ketika suspek keluar dari bilik, mangsa meminta bantuan dengan menelefon rakannya menghubungi pihak polis.

“Rakan yang dihubungi kemudian bersama beberapa penduduk di pangsapuri itu menyelamatkan mangsa.

“Polis yang tiba kira-kira tujuh minit kemudian mencekup suspek dan dua rakannya dalam rumah itu,” katanya.

Difahamkan, suspek sering mengganggu mangsa, namun tidak pernah diendahkan menyebabkan suspek bertindak menggunakan rakan mangsa merogolnya.

Ketua Polis Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed mengesahkan tangkapan itu dan suspek di-siasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.